

# Pencetus ubah gaya hidup

■ MRT lengkapkan sistem pengangkutan awam

## Info ringkas tentang projek MRT

### Tanpa pemandu

Sepenuhnya automatik, tanpa pemandu dan konduktor. Sistem kereta api automatik untuk memulakan operasi yang mudah dan boleh digunakan.

### Aliran penumpang yang lebih baik

Lorong yang luas antara gerabak membolehkan penumpang bergerak tanpa had, pintu getas yang lebar dan besar memudahkan pergukaran masuk dan keluar.

### Mesra alam

Kereta api ini merupakan kereta api ringan, dibina dengan bahan-bahan yang tahan dan boleh dikitar semula pada akhir hayat perkhidmatan. Menggunakan paip-pipa mesra yang efisien dan sistem lampu LED di atas tingkap yang boleh membori maklumat semasa mengenai kereta api.

### Sistem maklumat penumpang

Destinasi kereta api jelas kelihatan di bahagian luar kereta api. Di dalam setiap gerabak peta dinamik di atas pintu dan paparan skrin LED di atas tingkap yang boleh membori maklumat semasa mengenai kereta api.

### Peningkatan Keselamatan dan Sekuriti

Kereta api memenuhi piawaian antarabangsa untuk perlindungan api, ia lengkap dengan pengawasan secara langsung dalam dan di luar kereta api, dengan setiap gerabak mempunyai 4 kotak suara kecemasan dengan kamera bersepadu.

Sumber | MRT Corp

Infografik Bernama

**Mohd Nasif Badruddin**

mnasif@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

**P**rojek Transit Aliran Massa (MRT) akan memainkan peranan penting dalam usaha melengkapkan sistem pengangkutan awam bandar negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, MRT akan mengubah semua itu dengan sistem dan perkhidmatan yang jauh lebih efisien, moden dan liputan rangkaian lebih berkesan.

"MRT akan menghubungkan rel, perumahan, pejabat dan destinasi utama rakyat Malaysia yang sebelum ini berada di luar rangkaian," katanya dalam catatan di blog najibrazak.com semalam.

Beliau berkata, laluan pertama KVMRT Sungai Buloh-Kajang (SBK) itu akan meliputi jarak 51 kilometer (km) di mana 41.5 km bertingkat dan selebihnya di bawah tanah serta merangkumi 31 stesen.

Katanya, bagi memastikan kebolehcapaian optimum, 16 daripada stesen MRT itu akan dilengkapi dengan sistem 'park and ride' di mana pengguna boleh memandu dari rumah ke stesen berdekatan sebelum menaiki MRT ke destinasi akhir mereka di dalam bandar.



**“MRT akan mengubah gaya hidup rakyat kepada gaya hidup moden di mana pengangkutan awam menjadi norma dalam kehidupan seharian dan digunakan oleh semua tidak kira yang miskin mahupun kaya”**

**Najib Razak**

"Beberapa stesen juga akan menjadi stesen pertukaran bagi sistem rel lain seperti KTM, Monorel dan LRT, membolehkan pengguna menukar antara sistem dan mod pengangkutan secara mudah dan cepat dalam menuju destinasi pilihan.

"Fasa pertama laluan SBK iaitu dari Sungai Buloh ke Semantan, melalui 10 stesen di antaranya bakal dibuka Jumaat ini," katanya.

Beliau berkata, meskipun kos memainkan peranan,

tetapi yang lebih utama adalah masa dan fleksibiliti ditawarkan oleh pengangkutan awam.

"Berbanding memandu, di dalam tren anda berpeluang untuk merehatkan minda, membaca buku atau membalas mesej WhatsApp, menghantar e-mel dan macam-macam lagi, perkara yang tidak boleh dan tidak patut dilakukan sekiranya anda memandu.

"Secara tuntasnya, projek MRT ini lebih daripada sekadar sebuah mod pengangkutan awam baharu. MRT akan mengubah gaya hidup rakyat kepada gaya hidup moden di mana pengangkutan awam menjadi norma dalam kehidupan seharian dan digunakan oleh semua tidak kira yang miskin mahupun kaya," katanya.

Menurutnya, pembinaan MRT bukan sekadar sebuah projek infrastruktur, tetapi sebuah projek yang dirangka dengan memikirkan pengguna iaitu rakyat semuanya sebagai kriteria paling utama, sebuah projek infra-rakyat.

Katanya, projek MRT laluan SBK itu juga bukan satu-satunya projek sedemikian rupa, sebaliknya banyak lagi projek yang telah dan sedang direncanakan untuk rakyat dalam masa terdekat serta jangka masa panjang.